



**PERUTUSAN
YB MENTERI SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN
PERUBAHAN IKLIM**

HARI TANAH LEMBAP SEDUNIA 2023

2 FEBRUARI 2023

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan Salam Sejahtera,

Tanggal 2 Februari merupakan tarikh yang telah diwartakan sebagai Hari Tanah Lembap Sedunia (*World Wetlands Day*) sempena memperingati tarikh Konvensyen Ramsar yang ditandatangani pada tahun 1971 di Bandar Ramsar, Iran.

Sambutan Hari Tanah Lembap Sedunia 2023 bertujuan untuk meningkatkan kesedaran masyarakat tentang kepentingan tanah lembap, termasuklah hutan paya laut, hutan paya gambut, sungai dan tasik serta hidupan yang bergantung kepadanya, agar ia diiktiraf sebagai suatu khazanah yang perlu dipelihara dan dipulihara bukan sahaja kerana kecantikannya, tetapi juga kerana peranannya sebagai tunjang kelestarian ekosistem alam sekitar.

Malaysia telah meratifikasi Konvensyen Ramsar pada 10 Mac 1995 dan sebanyak tujuh kawasan tanah lembap di Malaysia telah diiktiraf sebagai Tapak Ramsar iaitu Tasek Bera, Pahang; Tanjung Piai, Pulau Kukup dan Sungai Pulai, Johor; Kuching Wetlands National Park, Sarawak; dan Lower Kinabatangan - Segama Wetlands dan Kota Kinabalu Wetlands, Sabah.

Dengan tema '***It's time for wetland restoration***', saya ingin menekankan betapa pentingnya tindakan segera dilakukan terhadap pemuliharaan dan penggunaan tanah lembap secara mampan demi kesejahteraan hidup.

Ekosistem tanah lembap memainkan peranan yang penting dan semulajadi dalam keterjaminan makanan, mitigasi dan kestabilan iklim di samping berfungsi sebagai pemecah ombak, mengurangkan kesan banjir, pemerangkap sampah dan habitat kepada flora dan fauna termasuk spesies terancam.

Di peringkat negara, pelbagai aktiviti telah dirancang bagi memeriahkan sambutan Hari Tanah Lembap Sedunia 2023 untuk meningkatkan kesedaran komuniti setempat antaranya termasuklah Program Kesedaran Awam Tasek Bera, *Tanjung Piai Mangrove Run* dan Program Penanaman Pokok di *Kuching Wetlands National Park*.

Saya menyeru agar semua pengurus tapak Ramsar di negara ini dapat memperkasakan lagi pengurusan tapak Ramsar masing-masing selari dengan objektif Konvensyen Ramsar. Selain itu, saya juga ingin menggalakkan Kerajaan-kerajaan Negeri untuk mencalonkan kawasan tanah lembap yang berpotensi sebagai tapak Ramsar yang baharu

Saya harap kerjasama semua pihak untuk memastikan ekosistem tanah lembap kita kekal terpelihara. Inilah masanya untuk mengukuhkan usaha, menggalakkan keterlibatan masyarakat setempat, dan menggerakkan penyelesaian ke arah melindungi dan memulihara ekosistem tanah lembap demi kesejahteraan generasi masa kini dan akan datang.

It's time for wetland restoration.

Selamat menyambut Hari Tanah Lembap Sedunia 2023.

NIK NAZMI BIN NIK AHMAD

Menteri Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim

2 Februari 2023